

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VII)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

12. Adakah rawatan kesihatan percuma bernilai RM300 di klinik swasta program Healthy Penang (Pulau Pinang Sihat) seperti yang diumumkan dalam Bajet 2018 akan dilaksanakan?
- (a) Bilakah pengurusan dan pengagihan semua program kebajikan kerajaan akan diperkemas dan disepadukan dengan kad I Love Penang?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. Pelaksanaan Kad 'I Love Penang' yang diumumkan semasa pembentangan Belanjawan Negeri Pulau Pinang 2018 bertujuan menjadi medium kepada penyaluran pelbagai kemudahan dan faedah sosial telah ditangguhkan buat masa ini.

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Semakan Semula Program Kebajikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Ketua Menteri 1 sedang meneliti dan mengkaji keperluan meneruskan program kad 'I Love Penang' memandangkan berlaku pertindihan bantuan dengan Kerajaan Persekutuan yang memperkenalkan Skim MySalam dan Peduli Kesihatan Kumpulan B40 (PeKa 40). Penilaian dan penelitian program-program bantuan/kebajikan seperti ini adalah perlu bagi memastikan bantuan yang disediakan dapat disalurkan kepada kumpulan sasaran yang layak, termasuk implikasi kewangan yang terlibat.

